**NO SOALAN : 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 8**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan perkembangan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kemaman dan bila projek ini dijangka siap.

**NO SOALAN : 8**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kemaman untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam RMKe-11 dengan siling kos projek sebanyak RM300 juta.

Projek tersebut masih dalam peringkat reka bentuk dan penyediaan dokumen tender serta memuktamadkan jajaran pengambilan tanah. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2021 di mana tempoh pelaksanaan projek adalah tiga tahun.

Sekian, terima kasih